

"I WRITE
WHAT
I LIKE"

MAS KED READER JILID SEMBILAN

ILMU UNTUK SEMUA

A DIY
FRIENDZINE

TRAGEDI
NATRAH

MAS KED READER JILID SEMBILAN

crust pants

ADA APA DENGAN SELUAR?

eco☆friendly

10 TIPS UNTUK KITA!

AND LOTSA HOT STUFF INSIDE

ILMU UNTUK SEMUA



Miscommunication

Memo from CEO to Manager:

Kami perlukan kontribusi dari kalian! dan kalian seharusnya bekerja KERAS untuk saya. ada faham? -CEO

Memo from Manager to Department Head:

segala bentuk tulisan di sini kebanyakannya berbentuk peribadi dan persendirian. tiada niat mencari salah seorang individu selain diri sendiri. Editor masih lagi dalam proses pembelajaran secara sihat, Jika ada, Cuma sekadar peringatan untuk si editor atau sang pembaca. Karya yang disiarkan tidak mencerminkan pendapat dan pendirian si editor. Mungkin juga terdapat bahasa yang berbentuk daerah, bahasa perbualan atau lebih senang di sebut bahasa pasar. apa yang penting, ambik yang baik, buang yang keruh! :D

Memo from Department Head to Floor Manager:

buatlah cepat-cepat dan hantar ke corerockmoon@gmail.com

Memo from Floor Manager to Supervisor:

kita ini kuli atau pekerja?

Memo from Supervisor to staff:

kita pakat berhenti keje ramai-ramai



BROUGHT TO YOU BY NOPE!
WRITTEN BY ANDREAS SPATH. ILLUSTRATED BY ANASTASYA ELISEEVA



EDITORIAL



Salam sejahtera ke atas semua manusia dan salam satu Malaysia? Istimewa buat sesiapa yang membaca isu ini. Haha. Apa itu salam satu Malaysia? Banyak salam la pulak. Dari dinasti ke dinasti, ada je keluar ideologi-ideologi baru Pelik sungguh dunia 'zaman sekarang. Hello! Apa khabar semua pembaca yang sangat gua cintai dan rindui selalu. Selamat menyambut bulan disember! Apa hal dengan bulan disember? Aiyaa..gua pun tak tahu. Nanti gua cek calendar kuda dulu. Bulan disember? Owh, lupa, selamat hari natal untuk semua. 25/12/009

Gua pun sekarang tengah cuti. Musim cuti ni, ramai couple-couple sibuk mahu kahwin. Jadi sekarang memang terlalu banyak kenduri kendara. Sana sini meriah. Sampaikan suatu hari tu, ada dua atau tiga jemputan. Kawan-kawan sebaya dengan gua pun ada yang berkahwin time ni. Tapi semuanya perempuan. Yang pening kepala rancang nak kahwin pun ada. Dengar kad kahwin harga RM700 pun dah termenung sakan. Gua pun mula-mula agak terkejut dengan harga kad kahwin tu. Tapi bila fikir balik, nanti bila gua nak kahwin, gua nak design kad kahwin sendiri dan buat sendiri. DIY sudah!

Bulan disember ni dah boleh di katakan sebagai bulan perkahwinan. Lepas bulan disember, bulan januari. Tahun baru? Malas la nak tulis mengenai tahun baru. Isu sebelum ni gua dah tulis pasal tahun baru. Malas mahu tulis dua tiga kali menda yang sama. Penat! Malas! So stop sini jela dulu. Gua takde mood dah bila bercakap pasal kahwin sebab gua masih lagi solo. Huh!

Hari ini gua berkurung dalam bilik sepanjang hari terasa seperti ulat gonggok. Lepak di dalam bilik dan berbaring di atas katil. Pusing kiri sudah, pusing kanan sudah. Merengkok sudah, meniarap sudah. Tiada teman untuk berteman. Tiada aktiviti untuk berekreasi. Hanya sunyi menjadi medium berfantasi. Tapi kadang-kadang terasa juga seronoknya. Lebih banyak privacy dan fantasi.. Kadang-kadang terasa macam perlu masa untuk diri sendiri. Sebahagian dari hidup gua lebih banyak dihabiskan untuk bersosial. Jarang sekali untuk melihat gua meniarap di rumah. Meniarap menonton sinetron tu adalah perkara biasa. Haha. Ketika ni gua dah cuti semester. Sudah berminggu-minggu. Di awal cuti, terasa 'merdeka'. Sejak akhir-akhir ini, terasa boring. Takde apa-apa aktivitas yang dapat dilakukan secara individu ataupun kolektif. Jadi gua ambik keputusan untuk menulis dan menyambung kembali naskah masked reader ni. Sudah agak lama tidak menaip, terasa janggal pun ada. Jari dah naik ketuak. Sifat malas masih ada. Cuma sudah berkurangan setelah gua gagahkan diri untuk menaip. Jadi ini adalah hasilnya. Masked reader bilangan sembilan.

Ganas jugak gua ni, sudah sampai isu ke-sembilan. Sudah berjuta-juta lemon gua dapat hasil dari penjualan masked reader. Sempat menyambar BMW sebijik. Model terbaru, mata lalat. Kereta ni hanya gua sorang je yang ada. Gua tempah special ni. Almaklumlah, duit banyak. Beli la kereta dan kereta tu gua jadikan modal mengorat awek-awek cun. Gua ni dah sesat akal ke apa? Banyak sangat tengok sinetron, macam ni la jadinya. Hari-hari semacam gua lalui menda sama je. Bila gua fikirkan kembali, aktiviti harian gua setiap hari adalah biasa dan tipikal. Fikir-fikir balik, adakah ini yang kita mahukan? Aktiviti yang biasa dan sama, cita-cita dan matlamat yang biasa, akhirnya bertemu mati yang biasa seperti putaran kehidupan manusia yang biasa dilalui. Apakah tujuan kita dihidupkan? Adakah ini tujuan kita dihidupkan? Hidup, menindas,merampas, rasuah, merosakkan alam, membunuh, dan sebagainya di atas bumi. Kemudian nyawa di tarik.

Hari ni tersangatlah boring. Lalu gua mengangkat bontot yang mantap ini, (mantap ke?) terus keluar dari rumah. Membawa bontot terus kepada tempat duduk motosikal Gua memecut motosikal yang berkuasa duda ke Bandar. Sekadar untuk membunuh masa dan menghilangkan boring. Hajatnya untuk ke rumah seorang kawan. Gua pun pergi melepakkan diri di depan rumah seorang kawan. Rumahnya terletak di depan betul-betul sebuah shopping complex. Sementara menunggu kawan gua menghabiskan kerjanya, gua ambik keputusan untuk ke depan menghampiri jalan dan melabuhkan bontot gua yang mantap. (mantap ke?)

Termenung dan termenung, tiba-tiba gua melihat dunia sebagai sebuah pentas teater. Pelbagai ragam dan karakter manusia dapat dilihat di depan shopping complex ini. Gelagat yang ada macam-macam ragam daripada pelbagai lapisan msyarakat. Daripada penjaga stor, pengawal keselamatan, pembeli, penjual, pensyarah, pelajar, doktor, peguam, pakcik kampung, mat rempit dan sebagainya tidak lepas daripada pandangan gua. Gua tak rasa gua sebahagian dari permainan teater ini. Tetapi gua sebagai pemerhati je. macam juri Malaysian idol gitu la gamaknya. Cuma aku tidak mengkritik. Semacam di dalam panggung wayang. Gua tengok je.

EDITORIAL

Lebih kurang macam drama atau teater pentas semua seperti punya karekter tersendiri. Gua senang menjadi pemerhati berbanding turut serta dalam permainannya. Dengan memerhati gua dapat lihat dengan perspektif yang lebih jauh. Kalau kita berlakon dalam sebuah teater, kita tak dapat nak nilai lakonan kita macam mana. Kita tak tahu mana silap, cela, aib kita. Kita tak tahu apa yang terlebih dan apa yang terkurang.

Dari satu sudut, gua nampak kelemahan orang lain dan gua rasa diri gua amat best. Poyo ke? Ini adalah perasaan gua masa tu. Dari satu sisi yang lain, gua lihat mereka seperti keanak-anakan. Kenapa mereka bergaduh? Kenapa remaja itu membeli patung naruto? Kenapa dia buat begitu? Kenapa pekerja berselisih faham? Kenapa mereka jadi begitu? Kenapa tidak begini, kan lebih elok dan sebagainya. Seperti dalam muqaddimah fi zilal tulisan syed qutb, "manusia yang punya rasa ingin memiliki segalagalanya di dunia ini ibarat jiwa kanak-kanak."

Memerhati gelagat dan ragam manusia adalah suatu perkara yang sangat menarik. Serius! Gua sebenarnya mempunyai hobi memerhati gelagat manusia. Dulu gua acap kali berjalan, bersandar di tepi dinding, atau duduk di mana-mana bangku sambil memerhati gelagat manusia yang pelbagai. Itulah ilmu kehidupan yang boleh gua pelajari.

Gua adalah seorang pemerhati. Dan untuk memerhati, gua seharusnya fokus dan mata gua perlu tajam. Tak boleh mata stim lagi. Tapi cuma satu yang aku lemah, aku terlalu asyik memerhati sampaikan sebahagian dari mereka perasan aku memerhatikan mereka. Ada yang menjeling mata, ada yang mengeyit mata, ada yang rimas, ada yang lemas dan sebagainya. Nasib baik takde lagi yang memberi penumbuk atau penerajang.

Nak bercerita pasal ragam manusia ni takkan habis. Terlalu banyak dan berbeza-beza. Tapi Cuma apa yang gua nampak disini, kebanyakkan masyarakat disini begitu prejudis kepada sesiapa yang bukan 'sama' dengannya. Bila berpakaian pelik, ada je mata-mata liar yang memerhati. Ada yang menghina se'hina' yang mungkin atas kesilapan, ke'pelikan', ke'songsang'an, ke'tidak-normalan', keaiban, orang lain.

Mereka umpama tuhan dibumi. Berkata betapa besar dosa yang dilakukan oleh orang lain tanpa melakukan sesuatu untuk memperbetulkannya. Menjatuhkan hukum berat tanpa bertanya terlebih dahulu. Menghakimi atau menghukum tanpa dibicara adalah juga salah disisi undang-undang manusia. Yang sebahagian muslim pula lupa, hanya Allah yang berkuasa ke atas setiap manusia. Dia juga akan menghakimi segala-galanya. Dosa atau pahala, neraka atau syurga, semua adalah ketentuanNya. Jadi kenapa manusia muslim ini perlu mendahului tuhan? Layakkah kita menghukum dan menjadi penghukum?

Suka menghukum, lupa melihat diri sendiri. Dengan menghukum, menghina seseorang, adakah kita dapat memperbetulkannya? (baca: jika mereka salah). Mengumpat, mengeji, mengejek, apa yang orang tu dapat? Dia dapat pahala, lu dapat dosa. Dia tenang je, lu pulak sakit hati. Lebih baik beli cermin, solek diri sendiri!

Seronok jugak bila jadi pemerhati ni. Tapi agak tak best jugak bila ada orang yang melihat apa yang gua buat ni. Mesti orang tu gelak-gelak tengok gua macam budak-budak. Muka tak matured mana. Perangai hampeh. Nasib baik body tough! Bila ada yang memerhati, nak buat perkara tak elok pun rasa tak best. Nak kentut halus pun fikir dua tiga kali. Jadi gua rasakan yang gua amat kelakar dan gua perlu banyak belajar lagi untuk lebih matang. Perjalanan, perjuangan mesti diteruskan. yang pasti, gua sebagai pemerhati, juga sedang diperhati. Dia sedang memerhati!

"i prefer a short life with width to a narrow one with length" -ibnu sina-

Kenapa gua menulis? Gua menulis untuk diri sendiri. Gua menulis untuk lu olang. Gua menulis untuk kita dan sesiapa sahaja yang boleh membaca. Bak kata segelintir orang, persetankan sesiapa sahaja, hanya gua yang tahu diri gua. Gua tau apa yang gua tulis, gua tau apa yang gua buat. Gua menulis hasil dari penghidupan. Itu didikan dan memori yang takkan pernah padam. Gua menulis hasil dari pemikiran dan itu lah proses penghidupan.



"Those who do not study history are condemned to repeat it"



1933

1. Enact "The Enabling Act"
2. Burn Reichstag building
3. Scapegoat the "Communists"
4. Claim it was Terrorism
5. Scare the public
6. Require dictatorship powers
7. Instantly "suspend" rights
8. Have OSS spy on citizens
9. Arrest dissident citizens
10. Force citizens to fulfill agenda

"But, after all, it is the leaders of the country who determine the policy and it is always a simple matter to drag the people along, whether it is a democracy, or a fascist dictatorship, or a parliament, or a communist dictatorship. Voice or no voice, the people can always be brought to the bidding of the leaders. That is easy. All you have to do is tell them they are being attacked and denounce the pacifists for lack of patriotism and exposing the country to danger. It works the same way in any country." - Hermann Goering



2001

1. Enact "The Patriot Act"
2. Attack World Trade Center
3. Scapegoat "Terrorists"
4. Claim it was Sadam
5. Start media-driven fear campaign
6. Require executive powers
7. Gradually ammend the constitution
8. Have CIA & FBI spy on citizens
9. "Red-flag" dissident citizens
10. Trick citizens into fulfilling agenda

"Today the Justice Department did issue a blanket... It was in recognition of a general threat we recognized. This is not the first time the Justice Department have acted like this. I hope it is the last. But given the attitudes of evildoers, it may not be." - G. W. Bush

"To those who scare peace-loving people with phantoms of lost liberty, my message is this: Your tactics only aid terrorists, for they erode our national unity and diminish our resolve." John Ashcroft

CONTENTS CONTENTS

V/A BEST CRUST ALBUM IN THE WORLD EVER - CD - WWW.INTERPUNK.COM



23 menginjak Crust Core trek pada salah satu plat besar daripada sebuah CD, sebuah keharusan bagi setiap kepala Punk ataupun Metal. CD ini mempunyai ciri krim daripada tanaman daripada Crust Punk adegan dengan hebat sebagai Wolfpack, Extreme Noise Terror, Rasa jijik, Disfear, Driller Killer, Raw Noise, Genosid SS. (I)

DEATHCYCLE-self tittle-LP



The Debut dirilis oleh Deathcycle dan merangkumi 13 lagu yang berkaitan politik, presonal expierences dan semua isu-isu sosial lainnya yang kita hadapi hari ini. Deathcycle mempunyai hardcore berat, mentah dan suara dengan campuran D-beat NYHC melawan crust punk rock. Aku terkejut dengan betapa aku menikmati album ini. Lagunya cepat tetapi anda masih boleh mendengar apa yang mereka katakan (sebahagian besar waktu) dengan semburan cepat kacau lirik masuk akal. Band ini beberapa lagu brutal Relase ini seperti "Punk adalah sebuah Joke" dan "Muat semula Your Life" dengan memukul keras lirik dan suara yang besar hanya dengan sedikit kerak dan hingus ditambah untuk mendapatkan titik di seberang.

SOUND AND FURY - self tittle - LP - www.soundandfuryrocks.com



Sound And Fury album dirilis pada bulan Jun (June 26th). Ini adalah rilis pertama untuk band ini berpusat di Toronto.Sebuah album yang akan membuat anda bernyanyi bersama dan menghentak kaki anda. Setiap lagu di album ini penuh tenaga dan terus ke rock and roll. Mereka boleh membuatkan crowd sing a long bersama mereka dengan kekuatan album ini.

LAWAK BABA

Seorang salesman sedang mempromosikan produk perusahaannya kepada seorang pelajar kolej.. Dia menanyakan pertanyaan tentang produk yang dipakai pelajar tersebut.

"Sabun mana yang anda gunakan selama ini?"

Pelajar tersebut dengan selamba menjawab, "Sabun Baba."

"Kalau deodorant, deodorant mana yang anda gunakan?"

" Deodorant Baba," jawab pelajar itu.

"Minyak wangi?"

"Minyak Wangi Baba."

"Shampoo?"

"Shampoo Baba."

Akhirnya dengan kecewa si salesman bertanya lagi, "Ok, apakah
jenama Baba ini jenama tempatan atau luar negara kerana saya belum
pernah dengar? Siapa tahu Anda selama ini memakai produk yang tidak sihat."

Pelajar itu menjawab, "Bukan jenama tempatan atau luar negara. Baba
itu rakan sebilik saya."



Gua menulis hasil dari rasa, pengalaman, sentuhan dan itulah putaran kehidupan. Gua tau penulisan gua tak berapa sempurna. Pasti ada cacat cela. Mungkin juga ada yang terasa. Tersiksa? diseksa? Terlarang? Dosa? Protocol? Haha. Dah masuk bab 4 way split 'kecik-kecik tak nak mampos' pulak. Gua tak bimbang hasil gua dipersampahkan, gua tak bimbang hasil gua diperlekehkan. Gua menulis apa yang gua mahu tulis.

"treat people the way you want to be treated"- omputih.



Jadi jika kamu mahu hasil kamu dihargai, hargai hasil orang lain. So, gua kena beli zine lain ke? Apa-apa pun, gua menulis apa yang gua suka. Tidak berniat menuju kepada sesiapa. Gua menulis untuk lu dan diri gua. Akal manusia ni bebas menduga. Dan dari menduga itu boleh terguris hari. Sebab itu kadang-kadang apa yang kita bualkan, apa yang kita coretkan, ada manusia yang terasa. Apa-apa pun, siapa pedulik?!

Lewat ini, gua begitu banyak mengalami masalah. Kadang-kadang tu tertekang jugak. Banyak berfikir mencari solusi. Takut juga banyak berfikir, sebab ada orang kata, banyak berfikir boleh cepat botak! Ye ke? Tapi gua masih lagi bersyukur kerana segala-galanya masih lagi tampak stabil dan semuanya dapat diatasi. Tapi itu lah, bercakap memang senang. Apa kata kita berfikir sejenak dengan apa yang akan aku tulis ini. Bila kita alami kesulitan hidup, kita cuba tengok pada burung. Kenapa dengan burung? Anarkis ke si burung ni? Burung apa? Burung apa?

Kita lihat setiap pagi burung keluar dari sarangnya untuk mencari makanan. Sebelum terbang keluar, tidak pernah terbayang memikirkan untuk kemana dan dimana ia harus mencari makanan. Tidak pernah membuat perkiraan apa yang mungkin diperolehi. Dan tidak pernah terfikir untuk melukis pelan perjalanannya. Kadangkala pulang pada waktu petang dengan perut yang kenyang dan tidak lupa membawa makanan untuk keluarganya. Kadangkala makanan itu cukup untuk keluarganya. Tidak pernah menyimpan di dalam peti sejuk dan memanaskannya jika kelaparan. Selain itu ia harus berpuasa.

Burung juga kekurangan bekalan makanan, sarangnya juga diganggu manusia. Ada juga sarangnya yang dihancurkan terus dan pokoknya ditebang. Burung juga mengalami masalah. Namun, kita tak pernah melihat burung membunuh diri bersama masalah. Tiada juga yang menghantukkan kepala di dinding dan tiada juga yang menggangtungkan dirinya Kita juga tak pernah tengok burung melemaskan dirinya di dalam sungai. Ada ke? Atau mungkin juga burung minum racun 'kononnya' untuk menghilangkan penderitaan?

Burung still lagi relax dan santai kerana ia percaya yang makanan itu ada di mana-mana selagi berusaha. Kerana ia percaya yang setiap masalah itu ada solusinya. Kalau kita perasan, setiap pagi ia berkicau walaupun perut lapar. Mengicau dengan merdu. Tidak ada lagi yang mengicau suara 'growl' kerana kelaparan. Ini kerana burung sudah mengerti yang itulah kehidupan. Penuh dengan masalah dan tidak harus putus asa. Hidup semacam roda. Ada masa kita dibawah dan ada masa kita diatas. (Eh? sah! fikiran lu olang memang biru) Ada masa kita kelebihan dan ada masa kita kekurangan. Ada masa kita kekenyangan, ada masa kita kelaparan. Ada masa kita gagah, ada masa kita lemah.

Then, kita tengok pulak binatang yang lain. Yang lebih lemah dari burung. Yeah, cacing! Cacing ni lemah, mana ada kaki dan tangan. Seolah-olah hidupan yang tak layak hidup. Tanduk pun takde. Mata, telinga, hidung tu gua tidak pasti ada ke tidak. Tetapi ia juga hidupan. Ia juga makhluk hidup. Bernyawa. Ianya sama je dengan hidupan yang lain. Takde makanan, juga boleh mati. Dari satu sisi, kita try berfikir bagaimana cacing ni yang tak cukup sifat boleh survive dan tak pernah merempit bila ada masalah. Ada ke?

Sekarang kita lihat diri kita. Kita ni manusia. Ke ada memerang yang membaca zine ni? Manusia, mahluk hidupan yang mempunyai banyak kelebihan berbanding burung dan cacing. Kita ada tangan, kaki, dan akal.
Tetapi kenapa manusia yang banyak kelebihan ni kalah dengan burung dan cacing?



Ada manusia yang minum racun? Ada manusia yang melemaskan diri sendiri? Yang terlebih dasyatnya, manusia membunuh diri dengan banyak cara. Haha. Rupa-rupanya kita kena banyak belajar dari burung, cacing dan alam raya.

Sapa tak pernah mandi pantai? Haha. Rugi la. haha. Gua dah lama tak mandi pantai. Last sekali kat penarik hari tu bersama kolektif disini. Kalau dikira, trip hari tu adalah trip yang kedua. Sebelum ni gua dah membuang taik di sana. (baca:menjejakkan kaki) Jadi dikesempatan itu, anak-anak kolektif mengambil kesempatan mandi pantai bersama. Pantai penarik disini agak berbeza dengan pantai yang lain kerana dasarnya yang landai dan airnya yang tenang. Tapi hari tu keadaan pantai tidak seperti yang gua gambarkan. Ini disebabkan oleh musim tengkujuh yang melanda pantai timur Malaysia.

Jadi, airnya agak dalam, laut bergelora, dasarnya agak 'seram' dan 'curam'? Tapi siapa peduli? Semuanya tidak peduli. Gua pun tak peduli. Semua sekali mandi pantai. Dalam tengah keseronokan huha-huha, gua lemas. Lemas yang agak tak lemas. Macam mana ya? Kaki gua tak dapat nk sentuh dasar pantai. Time tu berenang lagak perenang negara. Berenang sambil melihat dasar laut yang agak gelap, kelam dan menyakitkan mata. Seperti dunia lain. Dunia yang gua belum teroka. Perasaan seram menyelubungi diri.

Tiba-tiba kepala penuh dengan khayalan dan anasir negatif. Gua takut. Takut itu boleh menimbulkan panik. Gua pun try untuk menegakkan badan. Nak bangun, kaki pulak tak jumpa dasar laut. Terasa air terlalu dalam. Memang sah, gua kat air dalam. Tapi tidak terlalu jauh dari anak-anak gaul kolektif. Tapi time tu memang kaget! Gua pun terus menggerakkan semua anggota badan yang ada termasuk telinga untuk mengayuh, mengibas dan seterusnya berenang bergerak kepada kelompok anak-anak kolektif. Nasib gua baik. Cuma separuh badan gua dipenuhi air masin. Sedap!



Lepas selamat tu, gua berfikir balik. Tadi jika gua hilang kawalan diri, gua boleh lemas atau apa saja. ini membuatkan gua berfikir. Sebelum mandi, gua lihat laut itu satu nikmat. Nikmatnya yang begitu banyak. Then, gua terus melangkah mandi dan gua menyelam. Dan dalam masa menyelam, gua boleh lemas. Di sini gua dapat konklusikan sesuatu. Di dalam dunia nikmat, dua orang manusia berpisah. Yang satu tenggelam dan yang sorang lagi berenang. Lu tau bezanya?

Pada suatu malam, dari satu sisi, langit menjadi cerah. Kelihatan bunga api bertaburan di langit. Malam manusia diterangi warna warni cahaya bunga api. Amat meriah dan sungguh cantik. Kelihatan pula segelintir manusia menyaksi keindahan cahaya bunga api itu. Terdapat juga segolongan yang amat gembira melihat cahaya. Cahaya hasil percikan bunga api. Gembira kerana mendapat hasil lumayan daripadanya. Dari satu sisi pula, kelihatan kesuraman menghiasi satu golongan. Golongan yang menahan kelaparan, menanggung penderitaan, memikul beban implikasi globalisasi, dan merasakan tiada apa faedah melalui cahaya bunga api. Kesedihan dan penderitaan lebih terang dari cahaya bunga api. Tidak mampu digambarkan dengan kata-kata. Hanya mereka yang tahu. Tahu dan memahami apa itu kesusahan dan kemiskinan. Menunggu dan mengharap simpati dari pemimpinnya..kerana jauh dalam sudut hati, masih mempercayai pemimpinnya...apakah 2010 membawa sinar baru kepadanya? Situasi ini lah yang berlaku pada setiap tahun baru. Jadi kenapa perlu untuk menyambutnya?

Gua tidak berasa kagum dengan orang yang mengaku dirinya hebat. Gua langsung tidak takjub dengan manusia yang mendakwa dirinya mulia. Malah gua sekali-kali tidak tertarik dengan orang yang mengiktiraf dirinya berilmu dan berharta. Perlu ke kita berkokok kepada seluruh dunia yang kita ini amat mulia? Gua lebih kagum, takjub dan tertarik kepada orang yang berendah diri tapi lubuk akal lautan, berwibawa dan tahu apa hakikat manusia perlu bersyukur. Berpijak di tanah bukan terapung di kayangan. Cukuplah lu menjaja kesana ke mari yang dada lu penuh dengan bulu. Padat dengan ilmu. Kaya harta. Kebanyakkan manusia itu takbur! Gua pun pernah takbur! Damn! Cerita ini berkaitan dengan satu cerita yang tak dapat gua ceritakan di sini.



SMZB - 10 years rebellion
CD-r -RM5-
corerockmoon@gmail.com

Pernah dengar band punk dari China? SMZB adalah band pertama yang aku dengar. Mereka telah wujud sejak 1996(?) dan merupaka band punk yang pertama di Wuhan. CD yang memuatkan 14 lagu ini diulang cetak oleh Corerockmoon Recs di Malaysia. Irama punk yang bermelodi dimainkan oleh mereka mengasyikkan dengan alunan 'bagpipes & tin whistle' dan kadang-kadang boleh turut menyanyi bersama. Gambarkan saja The Pogues. 4 lagu dinyanyikan dalam bahasa mereka, selebihnya dalam bahasa Inggeris dan lirik disediakan. Terhad kepada 100? (P)

DISCRUMT - gnosis CD-r - RM5- corerockmoon@gmail.com



Jangan salah sangka dengan nama Dis di depan. Ini bukan band d-beat. Mereka mentakrifkan muzik mereka sebagai experimental. Aku agak bersetuju dengan terma experimental itu. Dengan lagu mereka dipenuhi dengan jeritan-jeritan kemarahan dan digabungkan sekali dengan lirik dan mesej political, itu sudah cukup punk rock. Kualiti rakaman agak kurang baik, jangan pedulil! 10 lagu semuanya. Oh, setiap RM1 dari juakan cd ini, akan dimasukkan ke tabung HFC. (P)

KRITIKAL #1 / Bahasa / RM1 / 013-9013295



Zine yang aku beli secara 'by hand' oleh salah seorang editornya iaitu saudara ikwan. Ok.. zine ini dihasilkan secara bersama oleh 3 orang yang juga mempunyai zine sendiri iaitu ikwan [blur], rantaro [hitam putih] dan pp [ancaman kecil]. Bercerita mengenai isi kandungan zine ini pula, kebanyakan artikel ditulis berdasarkan pengalaman dan pemerhatian sehari-harian si penulis. Contoh seperti yang ditulis oleh saudara rantaro yang bercerita mengenai masalah korupsi yang berlaku di sekolah. Antara isi lain yang di bangkitkan oleh penulis ialah mengenai rasisme, pengangguran dan lain-lain lagi. Terdapat juga ruangan 'interview' dan 'review'.(W)

SCENERY IS FREE #4 / English / RM3 / Welfare Distro



Zine yang berbentuk personal ini di hasilkan oleh saudara mat nor. Untuk isu kali ini, banyak menceritakan mengenai pengalaman sendiri si penulis ketika menhidapi masalah penyakit jantung. Si penulis bercerita dengan terperinci ketika sebelum, ketika proses rawatan dan pembedahan dan selepas proses pembedahan. Gaya penulisan yang bersahaja juga menarik perhatian aku untuk terus membaca kerana ingin tahu akan kesudahan ceritanya. Selain itu, aku juga mendapat satu info baru yang aku rasa amat berguna iaitu mengenai dana yang di sediakan oleh pihak IJN untuk membiayai pesakit untuk mendapatkan rawatan. Pada aku ini amatlah bagus kerana dapat meringankan beban pesakit dan usaha untuk menswastakan hospital patutlah di haling kerana ia akan menuntungkan sebelah pihak dan membebankan pengguna hospital. (W)





REVIEW

JUDGEMENT- "just be"-7"- prankrecords.com



7" ini merupakan re-isu dari CDEP yang dirilis oleh HG FACT pada 2001 dan kali ini dirilis hasil kerjasama PRANK dan HG FACT. Kalau dilihat dari line-up band ini, pasti teruja dengan nama Zigyaku Bastard dan Jhaja LipCream beserta 2 orang lagi yang namanya tidak dapat ditaip disini kerana dalam bahasa jepun. Tapi muzik mereka tiada bunyi BASTARD / LIP-CREAM, lebih ke arah moden Japanese hardcore. Dan band ini berdiri dengan musik mereka, bukan personality atau 'ex-band'. Salah satu 7" yang perlu dibeli untuk tahun ini. Mengandungi 4 lagu sahaja. (P)

NEVER FOUND / MOLOTOV COCKTAIL- solidarity split cdr-RM5- corerockmoon[a]gmail.com



NF adalah sebuah band baru yang berpengkalan di Kerteh, Terengganu dan sudah tentu punk rock menjadi pilihan mereka. Terengganu dan punkrock tidak dapat dipisahkan. Sebelum ini, mereka dikenali dengan nama NOTHING FREE dan atas sebab-sebab tertentu, mereka mengubah nama. Terdapat 6 buah lagu punk rock gaya FAT WRECK dari NF dan mungkin juga D.E.P atau BLINK 182? Lagu mainan siulan dari NF adalah penipu. MC pula sebuah band berbasis di Kemayoran, Indonesia. Kalau berminat dengan alunan punkrock seperti BUNGA HITAM, atau MARJINAL, boleh dapatkan dapatkan cd ini. Tapi terdapat kesilapan dari segi vocal semasa proses rekoding atau sebagainya. 7 buah lagu dari seberang dan ianya berbaloi. Di rilis oleh corerockmoon records. (P)

SENANDUNG PAWER-KORD- compilation CD-RM15- nizang-mosh@gmail.com



Jarang sekali kompilasi seperti ini dan mungkin ini kali pertama seumpamanya di Malaysia. Mengumpulkan lagu-lagu pop 80'an dan dicover versi punkrock dan diletakkan dalam satu CD. Banyak lagu yang dinyanyikan semula dengan cara dan citarasa mereka. Terdapat 17 lagu di dalamnya. Antara yang menarik perhatian, 679 (chow kit road), Killing Steward (basikal tua), Mooda Moody (gadis dan bunga), dan Sleepy Jeremy (ayahku dan angkasawan). (P)

PROFANE EXISTENCE #57+CD



PE adalah salah satu majalah anarko punk yang bertahan agak lama. Ini adalah isu keluaran musim panas 2008. Separuh dari majalah ini dipenuhi kolum, artikel, berita. Terdapat banyak artikel yang berinformatif di dalam ini. Sebagai contoh, artikel memperingati kebangkitan dan pembunuhan beramai-ramai di penjara Attica di mana 29 ornag telah terbunuh. Kepada yang mengamalkan cara hidup vegan, terdapat resipi yang boleh dicuba. Manakala separuh lagi dari majalah ini adalah mengenai muzik. Temuramah bersama Warcollapse, Against Empire, Man the Conveyors, Armistice dan Kursk. Dan diakhiri dengan ulusan muzik/bahan bacaan. Didatangkan sekali dengan majalah ini, CD kompilasi yang memuatkan 26 band dari serata dunia. Satu lagu dari setiap band. Secara keseluruhannya didominasi oleh band crust. Antara band Asia Tenggara yang menyertai adalah Pazahora dan Homicide. (P)

HELLEXIST / BLINDED HUMANITY 7"



HELLEXIST boleh dikatakan band baru dan ini adalah merupakan piring hitam pertama mereka yang dirilis oleh band sendiri.Hellexist terdiri dari Jimbo(vocal), Chileng(gitar), Wak(bass) dan Arip di posisi drum.[line up sekarang sudah berubah]. Memilih irama brutal crust sebagai teras muzik mereka. Mungkin Hellshock, Age ataupun OOTV merupakan inspirasi mereka tetapi yang jelas mereka perlu mempertingkatkan skill permainan mereka terutama di bahagian drum. Jika dilajukan sedikit mungkin lebih menarik(?). BLINDED HUMANITY pula band dari Singapura yang telah mengubah sedikit muzik mereka berbanding dengan rilisan yang lepas dengan lebih menjurus kepada band-band noise core punk Jepun. Lebih mendalam lagi, dengan penambahan distortion yang menggila. Menarik! Pada pengisian lirik pula, ia diolah dengan baik oleh keduanya kerana disertakan sekali dengan penerangan. Artwork di belah Hellexist dilukis oleh Mail Katak dan di belah BH dilukis oleh Abel. Cantik dan ganas! Harharhar. (P)



EDITORIAL

Kebanyakkan media massa arus perdana hari ini (jumaat, 10 julai-coretan lama gua ni.) memaparkan kisah kematian Maria 'Bertha' Hertogh atau nama islamnya Natrah Binti Maarof. Siapa Natrah? Bagaimana pula semua media massa memaparkan kisah dia? Apa kaitannya? Apasal tanya gua? Gua pun talak tahu maa... Tapi hal ni agak menarik minat gua sebab ada berkait rapat dengan kemaman. Haha. Nanti gua selidik, gua selak, gua selongkar, gua niah, siapa gerangan empunya nama dan apa kaitannya dengan kemaman. Misteriii.....



Natrah atau nama sebenarnya Maria Hertogh (bukan maria ozawa) ni adalah anak pasangan belanda Adelaine dan Adrianus Petrus Hertogh. Sikit punya panjang la nama bapak dia. Orang-orang belanda panggil dia Bertha je. Anak ketiga dan dilahirkan di Tjimahi pada 24 Mac 1937. Masa ni hippies pun belum muncul lagi kot. Haha. Ayah dia ni seorang sarjan tentera di dalam Tentera Diraja Hindia Timur Belanda (sedih bila teringat subjek sejarah waktu form 5) di Indonesia, dan mak dia ni pulak memang menetap di Jawa dengan family.

Apabila Jepun serang Indonesia, sebilangan tentera Belanda menjadi tawanan perang dan salah seorang tawanan tu adalah adrianus. Masa ni mak ayah dia dah kawin dah. Pastu Adelaine yang sarat mengandung anak keenam ketika tu akhirnya menyerahkan Maria untuk dijadikan anak angkat kepada Che Aminah Mohamad. Seorang wanita berasal dari Kemaman, tetapi menetap di Jawa bersama suami. Kebetulan pulak, aminah ni baik dengan mak adelaine. Dan disinilah kisah bermula..

Maria dibesarkan sebagai seorang kanak-kanak islam dan diberi nama Natrah Binti Maarof. Sebelum Belanda ambik balik Indonesia dari Jepun, dia ni dah follow mak angkat dia ni balik ke kemaman. Masa tu si 'cho' tak lahir lagi. Tak kenal lagi black metal. Haha. Masa ni lah Natrah menarik perhatian pegawai pentadbir Inggeris (timur), Sir Arthur Locke. Kedengkian dan perasaan terhinanya melihat seorang anak belanda dibesarkan dalam golongan melayu dan beragama islam mengubah segala-galanya dalam hidup Natrah bermula dari itu.

Pentadbiran inggeris itulah yang menggunakan tipu muslihat memujuk Aminah membawa Natrah menemui konsul Belanda di tanah jajahan Singapura. Kononnya dia ni ikhlas nak tolong Aminah mendapatkan surat keterangan yang sah tentang pengambilan Natrah sebagai anak angkat. Gua rasa Aminah ni tentu pandai speaking English. Kalau tak, mesti bercakap macam ayam dengan itik.

Aminah ni pun termakan la pujuk rayu leleh si pentadbir inggeris tu dan membawa Natrah ke Singapura. Maka berlakulah apa yang berlaku. Pihak konsulat Belanda membantu kedua ibu bapa kandung kanak-kanak 13 tahun tu membuat tuntutan mahkamah hak penjagaan ke atas Maria (Natrah). Perbicaraan dilakukan dibawah undang-undang inggeris. Biasalah, siapa yang berkuasa, dia lah menentukan segala-galanya. Time ni Natrah diasingkan dari mak angkatnya dan diletakkan dibawah pengawasan gereja. Mereka hasut Natrah ni untuk kembali kepada ajaran ibu bapa dia. Ramai umat-umat islam yang marah ketika ni dan cuba menyelamatkan akidah Natrah. Rujukan-rujukan terhadap ajaran agama islam secara negatif dan jahat oleh para peguam bela ibu bapa Natrah amat mengguris hati orang islam.

Akhirnya, Jawatan Tindakan Natrah ditubuhkan. Ni bukan cerita aku, ok? Aku ni kira menceritakan balik apa yang telah aku dapat. Aku buat flow sendiri. Baca sudah jangan banyak songeh. Kita tinggalkan songeh dan kita sambung balik cerita. Nadi penggerak jawatankuasa tadi ialah Karim Ghani (Presiden Liga Islam+Persatuan Dakwah Islam Se-malaysia) bertempat di Singapura. Karim Ghani ni dibantu oleh Dr. Burhanuddin Al-helmy. Lagu yang si Black nyanyi tu lagu pasal Burhanuddin al-helmy ni lah. Sedap lagu ni. Masa mula-mula dapat lagu ni, tiap-tiap hari pasang. Tiap kali buka computer, tiap kali tu lah bukak pasang dengar lagu ni. best ditambah plak dengan suara black yang manja tu. auw..!! try la cari album black.

Burhanuddin ni banyak menghasilkan tulisan-tulisan yang membangkitkan kesedaran dan keprihatinan umat islam terhadap perebutan penjagaan ke atas Natrah. Glamour la Natrah masa ni. haha. banyak lagi citer ni. tapi gua ringkas kan la. Akhirnya Natrah dikembalikan kepada ibu bapa dan terus kembali ke belanda. Rusuhan tercetus masa ni dan mengorbankan 18 nyawa. Beratus-ratus lagi ditahan dan dibicarakan. Lapan belas nyawa melayang! Riot dan chaos masa ni. Bukan macam 'nazi' yang kat myspace ada tulis riot tu. entah bila riotnya. Bodoh nak mampus! Makan kepala ikan banyak sangat la tu.



EDITORIAL

Cuma disini apa yang dikesalkan oleh kebanyakkan pihak ialah mengapa parti UNMO tidak memainkan peranannya. Seperti yang sedia maklum, parti ni adalah anak angkat kepada pihak penjajah. Mereka tidak bersedia campur tangan dan menfaatkan hubungan baiknya dengan penjajah untuk mencari jalan penyelesaian yang lebih baik. Masa ni ramai yang berharap parti ini akan memainkan kedudukan mereka sebagai anak angkat untuk menangani isu bergolak. Mereka hanya campur tangan selepas tragedi itu berlaku. Banyak pihak beranggapan sikap, pendirian dan tindakan penajajah ketika itu dijangka tidak sekeras apa yang berlaku sekiranya parti itu campur tangan.

Seperti mana yang disebutkan tadi, harapan agak tinggi diletakkan kepada pemimpin parti itu sedari awal konflik tercetus. Tapi inilah hakikat yang disembunyikan sehingga kini. Gua rasa, dua tida minggu lepas ada teater yang menceritakan balik pasal natrah ni di istana budaya. Kalau tak silap gua la. Entah macam mana penceritaannya.

Bila gua tengok album myspace atau facebook kawan-kawan yang jauh, gua terasa lain. Terasa sedih jauh di sudut hati kerana tidak dapat bersama-sama mereka di waktu gembira. Bercanda di gig, bersuka ria, travel bersama-sama, mandi manda di air terjun. Gua terasa agak terpencil. Gua mahu bersama mereka. Gua mahu sertai mereka. Tapi apakan daya. Ianya amat sukar. Di luar keterbatasan gua. Gua tidak punya wang. Gua tidak punya apa-apa. Alangkah indahnya jika bersama-sama ke jalan, bersama-sama menikmati susah senang kehidupan, dan bersama-sama memerangi kebejatan.

Gua mahu sesuatu yang lain. Lain daripada kebiasaan. Berjumpa dan bersama dengan yang jauh atau yang tidak pernah bersua muka. Gua tidak kata yang kawan-kawan disini tidak bermakna. Kawan-kawan disini cukup untuk mengembirakan gua. Walaupun ada di antara mereka yang membenci gua. Berlagak hipokrit di depan, sambil melontar idea itu ini, tetapi ianya hanya melekat dibibir. Di belakang, lain pula ceritanya. Memanah dan menghiris halus diri ini.

Tapi tak kisah lah. Itu sudah lumrah manusia. Kadang-kadang gua kerja juga membuatkan kita, manusia berjauhan. Bila sudah bekerja, sudah tiada masa untuk bersua muka dan bermesra. Mungkin sebab itu gua masih lagi menyambung pelajaran.

Malah, kerja juga makin menjarakkan hubungan solidariti sesama manusia. Gua hanya mampu berfikiran positif, jawapan 'mungkin' sentiasa berligar di dalam kepala. Kadang-kadang ada juga silap faham yang terjadi memutuskan hubungan sosial manusia. Bila sudah berselisih faham, ego lebih menguasai diri. Kalau egois itu sebuah sekuter seperti skuter ego, dapat jugak untuk merempit ke sana ke mari. Haha. kadang-kadang (berapa banyak kadang-kadang daa..) mungkin gua juga ada membuat silap.

Kesilapan itu membuatkan seorang demi seorang menjauhkan diri. Mungkin! Siapa tahu. Jika ternampak silap gua, sila bagi teguran dan pastikan lu juga boleh menerima teguran. Itu yang pasti. Lu tegur orang boleh, tapi bila orang lain tegur atau nasihat lu, lu tak boleh terima. Baik lu tak payah jadi manusia. Baik jadi tunggul kayu.

kalaulah memutuskan silaturrahim boleh membawa sinar cerah, mungkin inilah pilihan yang gua ada dan gua mesti pilih. Tapi, apa gunanya. Kerana di dalam agama gua, memutuskan hubungan silaturahim akan menjauhkan lagi gua dari ganjaran syurga. Gua akan tetap berkawan tapi dengan seribu satu langkah berhati-hati. Moga sejarah pedih tak kembali menghantui. Gua emosi ke apa?

Kawan bagi gua begitu berharga biarpun darjatnya tidak setinggi sahabat. Kawan mudah dicari tatkala kita senang, kaya, gembira dan ketawa. Tetapi amat sukar didapati apabila situasi sebaliknya. Berbeza dengan sahabat, merekalah manusia yang sudi membantu biar jauh atau dekat, biar ringan atau berat. Sahabat gemar membantu daripada meminta, berkongsi ilmu setiap ketika. Penyuluh hidup yang gelita dan menjadi madu penawar bisa. Tetapi yang lebih berharga, seorang sahabat pastinya takkan menikam saudaranya biarpun sekadar sebaris kata yang bersulam nista kerana seorang sahabat pastinya sedar tikaman berbisa mampu mengundang binasa.





REVIEW

Movie: THE COVE 2009
Genre: Documentary / Drama
Director: Louie Psihoyos
Writer: Mark Monroe



Pada tahun 1960-an, Richard O'Barry adalah otoritas terkemuka di dunia pada latihan lumba-lumba, bekerja dalam kumpulan program televisyen popular Flipper. Hari demi hari, lumba-lumba O'Barry terus bekerja dan penonton televisyen tersenyum. Tetapi suatu hari, bahawa semua datang ke sebuah akhir yang tragis. Teluk, diarahkan oleh Louie Psihoyos, menceritakan kisah nyata yang menakjubkan tentang bagaimana Psihoyos, O'Barry dan pasukan elit aktivis, pembuat filem dan freedivers memulakan sebuah misi rahasia untuk menembusi teluk yang tersembunyi di Jepun, bersinar terang dalam gelap dan mematikan rahsia. Misteri mereka mendapati hanya ujung gunung Es. .....

The Cove adalah sebahagian daripada siasatan mengejutkan kewartawanan dengan hati daripada suatu tindakan thriller. Dipimpin oleh Louie Psihoyos, pemimpin Persatuan Pemuliharaan Lautan, dan Richard O'Barry, pihak berkuasa yang diiktiraf secara antarabangsa pada latihan lumba-lumba yang terkenal untuk karyanya pada tahun 1960-an acara TV Flipper, filem mengikuti berteknologi tinggi dalam sebuah pasukan menyelam misi untuk menemukan kebenaran tentang penangkapan lumba-lumba antarabangsa perdagangan seperti yang dipraktikkan di Taji, Jepun. Menggunakan state-of-the-art teknik, termasuk mikrofon dan kamera tersembunyi, pasukan mendedahkan bagaimana desa pantai kecil ini berfungsi sebagai mikrokosmos mengerikan jenayah ekologi besar-besaran berlaku worldwide.The Cove juga diarahkan oleh Louie Psihoyos, yang membawa rasa percaya diri dan presisi ke akaun orang dalam kehidupan ini atau mati operasi rahsia. Seorang jurugambar terkenal yang telah mencipta imej untuk National Geographic selama 18 tahun, Psihoyos menangkap kemegahan diri lumba-lumba dan laut yang mengelilingi mereka.

Movie: FAST FOOD NATION 2006
Genre: Documentary / Drama
Director: Richard Linklater
Writer: Eric Schlosser / Richard Linklater



When it was published in 2001, Fast Food Nation quickly became a New York Times bestseller, with its no-holds-barred, non-fiction exploration of "the dark side of the All-American meal." The big screen version FAST FOOD NATION is a dramatic feature penned by Fast Food Nation author Eric Schlosser and Oscar® nominee Richard Linklater, who also serves as director. Explains Linklater: "The movie is not a documentary, but a character study of the lives behind the facts and figures. I'm more interested in fiction than non-fiction. You get to the point through human storytelling." Writer/Director Richard Linklater has helmed such diverse works as DAZED AND CONFUSED, THE SCHOOL OF ROCK, BAD NEWS BEARS and WAKING LIFE and was nominated for an Oscar in 2005 for penning the script for BEFORE SUNSET.

Don Anderson is the Mickey's food restaurant chain's Marketing Director. He is the inventor of the "Big One" the hamburger best seller of Mickey's. An independent research reports the presence of cow's feces in the Big One. So Don is sent to Cody, Colorado, to verify if the slaughterhouse, main supplier of Mickey's, is efficient as it appears and the production process is regular. During his investigations he discovers the horrible truth behind a simple hamburger; the reality is not like we think it is. Don discovers that the mass production system involves from the temp workers like Amber, to the exploitation of Mexican irregular immigrants. It is not only the meat that is crush in the mincing machine, but all our society.



TEMBRAMAA



7. Ok aku pun xder dah benda nk tanya,dan seperti kebiasaan,apakah sebarang sepatah dua ayat@sekapur sireh dr geng2 lumbrah untuk kwn2 di lua sana!?

